

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**

**BILANGAN 15 TAHUN 2015**

**DASAR PENGGUNAAN TANAH PERTANIAN UNTUK TUJUAN  
PEMBANGUNAN PROJEK KOMERSIAL DAN AGRO PELANCONGAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali ke 17/2015 yang bersidang pada 19 Ogos 2015 melalui Kertas Bil.17/2015/D 11(11) telah membuat keputusan dan meluluskan Dasar Penggunaan Tanah Pertanian untuk tujuan Pembangunan Projek Komersial dan Agro Pelancongan.

- 2) Dasar ini melibatkan permohonan-permohonan untuk membangunkan tanah pertanian dengan kegunaan selain daripada pertanian.
- 3) Antara pembangunan hartanah yang menjadi tumpuan ialah pembangunan agrotourism, pembangunan resort dan perhotelan dikawasan peranginan, industri perkhidmatan penyediaan latihan dan sebagainya.
- 4) Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri diberikan sebagaimana dibenarkan di bawah Perenggan (d) subseksyen (1) seksyen 121 Kanun Tanah Negara 1965. Pihak Berkuasa Negeri melalui peruntukan seksyen ini boleh mengenakan had maksimum suatu tanah yang boleh diliputi oleh rumah-rumah atau bangunan-bangunan lain.
- 5) Had maksimum kawasan yang diluluskan bagi kegunaan selain pertanian adalah tidak melebihi 30 peratus (*gross development*) daripada keseluruhan tanah.

6) Tanah pertanian yang diluluskan melalui dasar ini diberi kebenaran untuk dibangunkan dengan kegunaan lain tanpa terikat dengan sempadan - sempadan tanah (*borderless*) selagi mana ia tidak melebihi keluasan keseluruhan yang dibenarkan.

7) Pengenaan syarat ini hendaklah dikenakan semasa tanah ini diluluskan untuk pembermilikan sebagaimana diperuntukkan oleh Seksyen 120(2) Kanun Tanah Negara 1965

8) Pentadbir Tanah apabila menerima permohonan sebegini hendaklah memproses permohonan tersebut sebagaimana berikut:

8.1 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Jajahan melalui Permohonan Serah Balik Tanah di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara 1965 dan Bermilik Semula di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965.

8.2 Pentadbir Tanah hendaklah mengesyorkan keluasan yang dibenarkan untuk pembangunan selain pertanian di atas tanah yang dipohon dengan tertakluk dengan keluasan maksimum seperti di para 5 di atas.

8.3 Hasil Tahunan ditentukan berdasarkan keluasan tanah mengikut jenis yang digunakan sebagai contoh :

(A) Luas Keseluruhan Tanah :100 Hektar

(B) Keluasan digunakan untuk

Pelaburan Komersial : 30 Hektar.

(C) Keluasan kegunaan pertanian: 70 Hektar

Oleh yang demikian, hasil tahunan dikenakan :

$RM\ 60 \times 70 \text{ Hektar} = RM4,200.00$

$RM0.20 \times 300,000 \text{ Meter persegi (30 hektar)} = RM\ 60,000.00$

**= RM64,200.00**

8.4. Premium tambahan dan premium denda .(jika berkenaan) akan dikenakan sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bilangan 3 Tahun 2010.

9. Dasar ini hanya terpakai untuk permohonan daripada Perbadanan - Perbadanan dan anak syarikat kerajaan negeri sahaja atau dalam kes-kes tertentu daripada mana-mana badan atau syarikat yang dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri.

10. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta-merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K.(Kelantan)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**NEGERI KELANTAN.**

**KEPADA :**

Yang Amat Berusaha

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

- 1) YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Negeri Kelantan
- 2) YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
- 3) YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- 4) YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
- 5) YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
- 6) YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
- 7) YBr. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
- 8) YABrs. Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan
- 9) YABrs. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Tempatan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

NEGERI KELANTAN

BLOK 3, KOTA DARULNAIM

15576 KOTA BHARU, KELANTAN.

BERTARIKH : 11HB.OKTOBER 2015

NO. FAIL : PTG.PKP.1/2/1